



28 Julai 2017
28 July 2017
P.U. (B) 390

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 213/2014 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 12 Mei 2014, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 2001 [*P.U. (A) 213/2001*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam P.U. (B) 360/2002, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk taman awam yang dikenali sebagai Taman Pancarona dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 360/2002 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 28 November 2002, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433